



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Selasa, 9 Mei 2023

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Berpotensi pengaruhi kenaikan harga ayam, telur lepas dilaksanakan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Metro	Bisnes	online

Berpotensi pengaruhi kenaikan harga ayam, telur lepas dilaksanakan

[Sri Ayu Kartika Amri](mailto:kartika@mediaprima.com.my)
kartika@mediaprima.com.my



GAMBAR hiasan

PENGAPUNGAN harga ayam dan telur di pasaran negara yang dijangka dilaksanakan selepas Jun ini berpotensi besar mempengaruhi kenaikan harga dua bekalan mentah terbabit.

Penganalisis ekonomi dari Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, pelaksanaan itu akan memberi sedikit kejutan pada pasaran bagi peringkat awal. Katanya, sudah pasti ia akan memberi kejutan juga kepada harga ayam dan telur apabila pihak peniaga dalam keseluruhan rantai nilai bekalan akan menyesuaikan keadaan masing-masing. "Ia mungkin akan melonjakkan sedikit harga bekalan mentah itu dalam mencari arah harga ayam dan telur yang sebenar selepas lama dikawal oleh kerajaan. "Lambat laun, kesannya akan beransur diserap oleh pasaran semasa.

"Sudah pasti ia akan memberikan kesan kepada harga barangan makanan berkaitan barangan asas daripada telur dan ayam," katanya kepada Bisnes Metro. Beliau berkata, bagaimanapun kerajaan boleh melaksanakan subsidi bersasar untuk golongan B40 bagi mengurangkan bebanan tekanan inflasi kepada mereka. Menurutnya, pada masa ini kawalan harga telur dan ayam turut dinikmati oleh semua lapisan rakyat dan subsidi yang diberikan amat membebankan kewangan kerajaan.

"Bagaimanapun pelaksanaan mekanisme subsidi bersasar mesti dilakukan juga untuk memastikan program ini (subsidi bersasar) berjaya nanti dan memberi manfaat kepada golongan memerlukan iaitu B40 dan M40. "Selain itu, peniaga mikro dan kecil terutama yang menyediakan makanan mengikut menu rahmah juga mesti diberikan bantuan subsidi kepada bekalan asas seperti ayam dan telur. "Sekiranya, golongan peniaga ini tidak diberi bantuan subsidi sudah tentu program makanan menu rahmah tidak dapat dipanjangkan 'hayatnya'," katanya.

Haiwan pun kerap 'dimandikan' akibat cuaca panas

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Harian Metro	Mutakhir	online

Haiwan pun kerap 'dimandikan' akibat cuaca panas

[Nisaa Iryanie Azhar](#)
am@hmetro.com.my



Pengunjung melihat petugas menyiram gajah bagi mengurangkan haba panas ketika tinjauan cuaca panas di Zoo Negara, Kuala Lumpur. FOTO HAIRUL ANUAR RAHIM

Kuala Lumpur: Selain manusia, hidupan liar juga tidak terkecuali merasai kesan akibat cuaca panas yang melanda negara ketika ini.

Tinjauan Harian Metro di Zoo Negara, di sini, semalam mendapati pihak pengurusan menggunakan bekalan air yang banyak untuk membantu haiwan menurunkan suhu.

Pengarah Zoologi, Hospital & Perkhidmatan Veterinar dan Pusat Konservasi Panda Gergasi Zoo Negara, Dr Mat Naim Ramli berkata, pihaknya sentiasa memastikan haiwan dalam jagaan mereka berada dalam keadaan sihat dan tidak terhidrasi.

"Alhamdulillah, sehingga sekarang tiada kematian haiwan akibat cuaca panas ini dicatatkan. Penjaga akan melakukan pemantauan lebih kerap untuk mengelakkan haiwan jagaan mereka jatuh sakit.

"Kebanyakan haiwan yang ada di Zoo Negara ini datang dari negara Asia, jadi mereka masih boleh menyesuaikan diri dengan cuaca di Malaysia," katanya.

Pelan insurans perubatan haiwan peliharaan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Wanita & Keluarga	23

Pelan insurans perubatan haiwan peliharaan

Oleh Nur Amira Mohd Hedzer
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ramai dalam kalangan ahli keluarga atau orang bujang suka membela kucing sebagai haiwan peliharaan, namun tidak kurang juga yang meninggalkan di jalan kerana tidak mampu menjaganya berikutan kosnya yang tinggi.

Malah, ada kes haiwan peliharaan ditinggalkan di klinik haiwan selepas pemiliknya tidak mampu membayar kos rawatan perubatan.

Tidak kurang juga banyak haiwan peliharaan mati tanpa mendapatkan rawatan dek kerana pemilik tidak memiliki peruntukan kewangan bagi membawa ke klinik.

Ini adalah hakikat kerana kos perubatan haiwan peliharaan agak tinggi, apatah lagi jika ia membabitkan penyakit yang memerlukan perubatan khas serta pembedahan.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas Oyen, Kevin Hoong, berkata kos rawatan haiwan peliharaan terutama kucing atau anjing boleh mencecah sehingga RM10,000 dan memerlukan sum-



Kevin Hoong bersama Ketua Pegawai Operasi dan Pengasas Bersama Oyen Insurance, Michelle Chin pada Majlis Pelancaran Insuran Haiwan Peliharaan Oyen di Kuala Lumpur.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

ber kewangan setiap kali ke klinik haiwan.

Katanya, beliau mendapati terdapat pemilik berdepan dengan cabaran untuk pembayaran bil perubatan haiwan itu.

Sehubungan itu, beliau mengasaskan syarikat yang menyediakan pelan perlindungan insurans untuk haiwan peliharaan dikenali sebagai Oyen.

"Ketika mengasaskan Oyen

pada dua tahun lalu, banyak pemilik haiwan berdepan dengan kesukaran kewangan disebabkan pandemik COVID-19 yang menjejaskan sumber pendapatan mereka.

"Pandemik COVID-19 memberi impak kepada manusia, tetapi juga haiwan peliharaan sehinggalah ramai tidak mampu menjaganya.

"Jika pemilik tidak mampu

nyai kemampuan kewangan, bagaimana dapat memberikan rawatan perubatan kepada kucing peliharaan mereka.

"Dengan perkhidmatan disediakan Oyen, ia dapat membantu pemilik dan haiwan peliharaan," katanya.

Kos rawatan kucing mahal

Pakar Bedah Veterinar, Dr Salehatul Khuzaimah Mohamad Ali, mengakui kos rawatan untuk kucing yang ada penyakit kronik seperti kanser mampu melebihi RM500 setiap kali rawatan.

Katanya, kos rawatan untuk kucing selalunya berdasarkan kepada penyakit dihadapi si comel itu.

"Contohnya, seperti penyakit memerlukan vaksin, kami akan bandingkan harga vaksin dalam lingkungan RM45 sehingga RM55. Jadi kos rawatan untuk penyakit itu akan mencecah lima sehingga enam kali ganda kepada lebih RM150," katanya.

Penyakit kucing seperti penyakit kulit dan berkaitan sistem pernafasan dan perkumuhan seperti selesema dan cirit-birit biasa dihadapi kucing.

"Kucing dilepaskan dan berada

di jalanan lebih cenderung terdedah kepada pelbagai jenis penyakit seperti penyakit kulit berbanding kucing dibela di rumah.

"Namun, kucing duduk di rumah, tidak semestinya sihat dan bebas penyakit. Masih juga berpenyakit dan memerlukan vaksinasi atau rawatan lain.

"Kucing mendapat vaksin kurang terdedah kepada risiko jangkitan dan menguatkan sistem antibodi," katanya.

Pemilik kucing, Christie Chuang, 29, turut mengakui kos rawatan perubatan kucing tinggi dan memerlukan pemilik mempunyai sumber kewangan tambahan.

Beliau dan pasangannya, Gavin Lim, 31, terpaksa membelanjakan lebih RM500 setahun bagi merawat kucing peliharaannya dengan nama Kiwi yang menderita gastrik.

Gastrik yang turut berlaku ketika tengah malam memerlukan diet pemakanan dan suplemen multivitamin supaya tak selalu sakit.

"Kos perubatan, makanan, makanan tambahan dan kos penjagaan lain mahal," katanya.

Chilling times for farmers as heatwave persists

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
The Star	Nation	7

Chilling times for farmers as heatwave persists

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

ALOR SETAR: Several farmers in Kedah are losing livestock and cannot work long hours due to the extremely hot weather.

Cattle breeder Muhammad Fesol Ismail, 48, said he lost three "lembo sado" (bulls) in the past few weeks from heatstroke caused by the prolonged hot season.

"Last month, I lost two bulls, and early this month, I lost another due to the heat," he said.

The Kampung Nako Nambua resident in Kuala Nerang, Padang Terap, said he lost about RM30,000 after three of his bulls died.

He said that although the water supply is enough, bulls and other livestock cannot withstand the heat during the day.

"Lembo sado" is an imported breed of cattle that is triple the size of domestic cattle.

Muhammad Fesol said he hopes the relevant government agencies would come to the ground to see how farmers suffer when they lose their livestock during this hot season.

He believes other livestock breeders in Kedah are suffering a similar fate.

In Kedah, especially in Padang Terap, the maximum daily temperature can hit about 38°C for two to three days in a row.

A padi farmer in Pendang, who only wanted to be known as Ahmad, said the extremely hot weather had forced him to limit his outdoor activities.

"The hot weather has somehow shortened our working hours, and this is difficult for us as we need to manage our padi fields."

Ahmad said padi farmers are in the fields until 1pm but the current scorching weather has made it impossible for them and they have to quit by 10am every day.

He said the padi's growth could also be stunted if the hot season prolongs, as padi cannot withstand extreme weather.

Vegetable farmer Mohd Shahid Sopian, 25, said that although his

crops are not affected by the hot weather, he is concerned about the health of farmers like him.

"As long as there is water supply, our crops are safe, but what concerns me is how this weather affects farmers' health."

"We now have to limit our outdoor exposure due to the extreme heat," he said.

Mohd Shahid, who lives in Kampung Masjid Lama Naka, said he is worried that the water supply would be affected if the current hot spell continues, hindering crop growth.

Last Thursday, the Malaysian Fire and Rescue Department identified a total of 406 hotspots across the country via satellite.